

01/09/1997

KL masih lagi kotor

Wan Jailani Razak

KUALA LUMPUR, Ahad - Anggapan bahawa masyarakat Malaysia, khususnya wargakota sudah bebas daripada belunggu kekotoran selaras kematangan usia negara yang mencapai kemerdekaan ke-40 semalam, kurang tepat.

Ini terbukti apabila sampah sarap dilihat berselerak di beberapa kawasan tumpuan, sebaik selesai beberapa acara menarik yang diadakan khusus untuk Hari Kebangsaan.

Tinjauan di Dataran Merdeka, Padang Merbuk dan sepanjang Jalan Tuanku Abdul Rahman mendapati sampah kelihatan di merata tempat sebaik orang ramai yang bertumpu di situ meninggalkan tempat berkenaan.

Amaran awal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya orang ramai lebih berhati-hati ketika membuang sampah seolah-olah 'masuk telinga kanan, keluar telinga kiri'. Ini kerana peringatan itu langsung tidak diendahkan. Lebih 200 anggota penguatkuasa berpakaian seragam dan biasa yang ditugaskan di kawasan terbabit terpaksa mengenakan kompaun serta-merta kepada pembuang sampah sebagai antara cara menyedarkan kesalahan mereka.

Mereka yang dikenakan kompaun serta-merta RM100 kemudian dikehendaki membayarnya di dua kaunter yang disediakan di Dataran Merdeka.

Bagaimanapun, cara itu diakui Penolong Pengarah Direktorat Penguatkuasaan DBKL, Yazid Samsudin, tidak dapat untuk memastikan bandar raya bersih daripada kekotoran, sebaliknya, beliau berpendapat pendidikan mengenai sikap dan wawasan diri lebih penting.

Selain sikap mengutamakan kebersihan dalam semua aspek, katanya, wawasan juga perlu ada pada setiap individu untuk menjadikan negara ini bersih daripada segala bentuk kekotoran.

Menurutnya, wargakota seharusnya turut berazam pada diri sebaik mendengar detik jam 12 tengah malam untuk tidak lagi membuang sampah di merata tempat, sebaliknya menegur diri sendiri jika terus melakukannya.

"Jika 1,151 anggota penguatkuasa yang ada sekarang ditambah sekali ganda, ia masih tidak mencukupi untuk mengawasi 1.2 juta penduduk di ibu negara dengan keluasan 243 kilometer persegi.

"Oleh itu, kesedaran setiap individu perlu untuk mengubah sikap negatif yang kebanyakannya sudah begitu menebal dalam diri mereka," katanya sambil mengakui ada sedikit perubahan di segi sikap orang ramai apabila kawasan tumpuan ramai seperti kaki lima, stesen dan perhentian bas tidak lagi menampakkan kekotoran yang ketara.

Bagaimanapun, katanya, lorong belakang bangunan masih kotor dengan sampah sarap dibiarkan berlonggok dalam longkang sehingga menyebabkan saluran tersumbat.

Mereka yang melakukan kesalahan membuang sampah tidak dibawa ke Mahkamah Bandaraya DBKL serta-merta, sebaliknya dikenakan kompaun di tempat kejadian dengan kadar RM100 atau mesti dijelaskan dalam tempoh 14 hari.

Mahkamah berkenaan sebelum ini sering membicarakan kes membabitkan pemandu 'lori hantu' yang gagal mematuhi Undang-Undang Kecil Kerja Tanah 1988 menerusi Operasi Kawalan Pencemaran Alam Sekitar (Ops Kapas), selain kes bersabit Perintah Lalulintas Jalan (Tempat Letak Kereta) 1985.

Mereka yang ditahan kerana membuang sampah di merata tempat boleh didakwa mengikut Seksyen 47(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kerana membuang atau meninggalkan botol, gelas, tin, bekas, pembungkus, zarah makanan atau apa-apa benda di tempat awam.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan denda maksimum RM500 bagi kesalahan pertama, manakala bagi kesalahan kedua dan seterusnya, mereka

boleh didenda maksimum RM1,000.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini menyelar tabiat suka membuang sampah di kalangan warga kota.

Dr Mahathir menamakan kawasan Bukit Bintang kawasan paling kotor di ibu kota kerana sampah sarap bertaburan di sepanjang jalan itu.

Berikutan itu, Ketua Pengarah DBKL, Datuk Noordin Razak, menegaskan mereka yang membuang sampah di merata-rata tempat di sekitar ibu kota akan dikenakan denda maksimum RM500. Hukuman mengutip sampah di khalayak ramai diluluskan Kabinet dalam mesyuaratnya sebelum ini juga diharap dapat menakutkan orang ramai untuk membuang sampah di merata tempat.

Bagaimanapun, hukuman berbentuk khidmat masyarakat akan dilaksanakan sebaik peruntukan undang-undang mengenainya digubal.

(END)